

PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT DI MALAYSIA





Objektif Pembelajaran

1. Memahami teori-teori yang berkaitan dengan perubahan sosial masyarakat.
 2. Mengetahui sejarah perubahan sosial masyarakat di Malaysia.
 3. Memahami bentuk-bentuk perubahan masyarakat di Malaysia.
- 
- 
- 
- 



PENGENALAN: Kepentingan Perubahan Sosial

1. Meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
 2. Penyesuaian dengan pelbagai perubahan, seperti kemajuan teknologi, pertambahan demografi, globalisasi dan isu-isu global.
 3. Perubahan sosial sebagai katalis kepada pembangunan ekonomi dan politik
- 
- 
- 
- 



Definisi Perubahan Sosial

- Perubahan sosial masyarakat merupakan perubahan yang berlaku pada struktur sosial, pola interaksi dan hubungan antara anggota-anggota dalam sesebuah masyarakat atau negara.
 - Perubahan sosial masyarakat merupakan perubahan pola kehidupan sosial seluruh anggota sesebuah masyarakat, bukannya perubahan kehidupan seorang individu atau beberapa orang anggota masyarakat
- 
- 
- 
- 



Ciri Perubahan Sosial



1. Perubahan sosial adalah bersifat sosial – proses sosial, perubahan interaksi dan nilai sosial & perubahan organisasi sosial.
 2. Perubahan sosial bersifat universal – kehidupan masyarakat bersifat dinamik.
 3. Perubahan sosial merupakan satu keperluan – untuk meningkatkan kualiti dan kemajuan kehidupan masyarakat.
 4. Perubahan sosial bersifat berterusan.
 5. Perubahan sosial adalah berbeza antara masyarakat – bentuk dan kadar perubahan.
 6. Perubahan sosial boleh berlaku secara dirancang ataupun tidak dirancang
- 
- 
- 
- 




TEORI-TEORI PERUBAHAN SOSIAL

1. Teori Evolusi

- Perubahan sosial adalah satu hukum alam yang universal
- Nisbet (1969) – berubah dari mudah ke kompleks, kehomogenan ke keheterogenan, kemunduran kepada kemajuan

2. Teori Kitaran

- Perubahan tidak berlaku secara progresif seperti dakwaan teori evolusi
 - Perubahan bersifat kitaran yang bersilih ganti antara jatuh & bangun, maju & mundur dan antara lemah & kuat.
- 
- 
- 
- 
- 



Samb...

3. Teori Ekonomi

- Faktor ekonomi (ekonomi kapitalis) sebagai katalis perubahan sosial
- Dari **infrastruktur** (DNA kemusnahan, iaitu penguasaan oleh kapitalis akan menimbulkan konflik kelas) kepada **superstruktur** (masyarakat tanpa kelas yang stabil)

4. Teori Konflik

- Konflik adalah katalis perubahan
 - C Wright Mills (1958) – konflik wujud apabila pemilikan sumber kehidupan adalah berbeza antara kumpulan dalam masyarakat.
 - Lewis A. Coser (1956) – konflik bukan sahaja tidak dapat dielakkan, tetapi ianya adalah baik untuk memperbaiki kehidupan manusia.
- 
- 
- 
- 
- 
- 



Samb...

5. Teori Teknologi

- Sains & teknologi adalah pemangkin kepada perubahan sosial
 - Teknologi mengubah peranan dan fungsi institusi sosial
 - W. F. Ogburn (1922) penciptaan radio telah mencetuskan 150 jenis perubahan sosial di Amerika Syarikat
 - Teknologi juga telah mencetuskan revolusi industri dan urbanisasi yang telah mengubah langskap kehidupan sosial masyarakat moden.
- 
- 
- 
- 

Samb...

6. Teori Pluralisme:

- Masyarakat Malaysia berubah daripada bersifat homogen (masyarakat tradisional Melayu pelbagai suku kaum) kepada masyarakat heterogen (masyarakat berbilang kaum)
- Katalis perubahan ialah kolonialisasi & penggabungan entiti politik (seperti kemasukan Sabah & Sarawak ke dalam Tanah Melayu)
- Kewujudan masyarakat plural telah mencetuskan pelbagai konflik antara kelas (pekerja –majikan & antara pelbagai etnik, agama dan budaya).
- Menurut Teori Ekologi, krisis hubungan ras disebabkan oleh prejudis oleh sekelompok manusia terhadap kelompok yang lain, seperti oleh Caucasoid terhadap Mongoloid

EVOLUSI PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT MALAYSIA

TAHAP I : MASYARAKAT AWAL

- Bermula penubuhan Kesultanan Melayu Melaka oleh Parameswara (1400 M) yang diktiraf oleh Negara China (Yin Chin 1404 & Laksamana Cheng Ho 1409)
- Zaman Kesultanan Melayu Melaka telah bermula proses kemunculan masyarakat majmuk melalui aktiviti perdagangan , penyebaran pelbagai agama & penjajahan
- Struktur masyarakat terbahagi kepada Raja, pembesar dan bangsawan, pedagang dan rakyat, serta hamba (Fuziah & Ruslan, 2000)



Samb...

- Disamping sultan dan golongan pembesar, golongan ulama turut menjadi penasihat sultan dan pendidik kepada masyarakat Melayu.
 - Masyarakat biasa terdiri daripada petani, nelayan, pedagang dan petukang.
 - Masyarakat Melayu tradisional telah teramilasi dengan pelbagai bentuk kepercayaan dari animisme, Hinduisme dan Islam
 - Penjajahan menyambungkan evolusi perubahan sosial masyarakat Malaysia
- 
- 
- 
- 
- 



TAHAP II: MASYARAKAT MAJMUK

- Bermula dengan penjajahan British dan Belanda (1824)
 - Faktor ekonomi untuk kepentingan pihak penjajah telah menyebabkan buruh-buruh Cina dan India dibawa masuk untuk perlombongan dan perladangan serta landasan keretapi.
 - Kemasukan buruh China dan India telah mewujudkan polarisasi kaum berasaskan geografi, fungsi ekonomi dan agama., berdasarkan dasar pecah dan perintah.
 - Polarisasi kaum juga menjadi asas kepada jurang ekonomi dan kualiti hidup antara bandar dan luar bandar & antara kaum.
- 
- 
- 
- 



TAHAP III: PASCA MERDEKA



- Selepas kemerdekaan (1957) hasil perjuangan tokoh-tokoh pejuang tempatan (Dol Said, Dato' Maharaja Lela, Dato' Bahaman, Tok Janggut, Hj Abdul Rahman Limbong, Mat Salleh, Ahmad Boestamam dll).
 - Masalah & cabaran masyarakat hasil peninggalan penjajah:
 - Jurang geografi – Melayu di Kampung, Cina dibandar & India di ladang
 - Jurang ekonomi – pengenalan ekonomi berasaskan kaum menyebabkan jurang kemiskinan juga berasaskan kaum
 - Jurang sosial disebabkan budaya & agama
 - Jurang ekonomi & geografi berasaskan kaum telah mewujudkan masalah perpaduan (perkauman) dikalangan masyarakat Malaysia diawal kemerdekaan negara
- 
- 
- 
- 



Samb...

- Tindakan afirmatif telah diambil untuk menyusun semula masyarakat melalui DEB dan pelbagai Dasar, Polisi & Akta serta program pembangunan.
 - Struktur masyarakat yang cuba dibentuk ialah masyarakat yang hidup dalam perpaduan, pembangunan yang seimbang, layanan yang adil, makmur ekonomi dan masyarakat yang stabil dan progresif.
 - Pendekatan kontemporari ialah melalui gagasan 1Malaysia
 - Sistem dan struktur masyarakat Malaysia akan terus berubah oleh pelbagai faktor termasuk proses modenisasi (nilai individualisme, materialisme & sekularisme), kemajuan teknologi dan proses globalisasi
- 
- 
- 
- 
- 
- 

TAMAT

